



12 AUG, 2025

Tenaga nuklear sedang dinilai untuk jana elektrik

Sinar Harian, Malaysia



MyPOWER diberi mandat
selaras panduan IAEA
di bawah RMK13

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Tenaga nuklear sedang
dinilai untuk jana elektrik

Kerajaan sedang meneliti tenaga nuklear sebagai antara pilihan baharu bagi penjanaan elektrik negara yang lebih bersih, stabil dan kompetitif.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, langkah itu sejajar pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

"Penilaian itu penting bagi mempelbagaikan sumber tenaga, mengukuhkan keselamatan tenaga jangka panjang serta menyokong sasaran pengurangan pelepasan karbon negara.

"MyPOWER Corporation sebagai Organisasi Pelaksana Program Tenaga Nuklear (NEPIO) diberi tanggungjawab menyelaras persediaan mengikut panduan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), membabitkan kementerian, jabatan dan agensi bagi memastikan pendekatan nasional yang bersepadu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Mesyuarat Tahunan ASEANTOM ke-12, di sini

pada Isnin.

Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) turut menegaskan komitmen Malaysia terhadap Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) serta menggesa negara pemilik senjata nuklear menandatangani dan meratifikasi protokol berkenaan tanpa berlembang.

Sementara itu, negeri Johor mencatat sejarah apabila menjadi negeri pertama di negara ini menggunakan kaedah rawatan air daripada kumbahan terawat untuk kegunaan industri terutama pusat data.

Fadillah berkata, melalui kerjasama antara Johor State Water dan Indah Water Konsortium, sebanyak 12 juta liter sehari efluen terawat dapat dibekalkan.



Fadillah (dua dari kanan) merasmikan Mesyuarat Tahunan ASEANTOM ke-12 di Johor Bahru pada Isnin.